

## Pendapat Hakim Mahkamah Shar'iyah Singapura Bertentang dengan Ajaran Islam

Kita telah menyiarkan pendapat Tuan Taha Suhaimi di dalam radio seperti yang disiarkan dalam keluaran Qalam yang lalu dengan penuhnya. Ucapan itu tidak sepele pun yang kita kurangkan kerana ucapannya itu kita ambil daripada *tape recorder* di radio kita. Kemudian kita memberi ulasan-ulasan membantah pendapatnya seperti yang kita siarkan dan telah kita cetak sebanyak 5,000 naskhah dibahagi di masjid-masjid di seluruh Singapura dengan percuma kerana kita memandang bahawa pendapat yang dikemukakan oleh Tuan Taha Suhaimi itu bukannya sahaja berlawanan dengan ajaran Islam tetapi sangat berbahaya kepada am khususnya kepada pemuda pemudi yang jahil di dalam hukum-hukum agama. Kemudian Tuan Taha Suhaimi sesudah keluar risalah itu di dalam temuramahnya dengan wakil Utusan Melayu berdegit mengatakan bahawa ia masih berpegang kepada pendapatnya, iaitu pendapat yang diasaskannya daripada sebuah kitab dan majalah yang ia lupa namanya. Melihat cara kedegilan ini dan cara ia berfatwa dengan mudah mengambil hukum sesuatu daripada sesuatu perkara dengan tidak diasaskan kepada *al-Qur'ān* dan *al-Sunnah* dan daripada kitab-kitab yang muktabar maka kita takut kelak di dalam ia menghukumkan hukuman-hukuman di Mahkamah Shar'iyah akan membawa pula kepada kesalahan-kesalahan yang berat – kerana hukumnya tidak diasaskannya kepada *Kitāb Allāh* dan *al-Sunnah*, maka sudah pada tempatnya tiap-tiap hukumannya diselidiki dan disiasat kerana harus ia tidak lagi layak menjadi hakim Mahkamah Shar'iyah. Sebab itu kita berharap Majlis Agama Islam Penasihat Kerajaan bertindak untuk menyiasat kelayakannya sebab kalau tidak

Pendapat Tuan Taha Suhaimi mengenai pengenalan dahulu sebelum berkahwin, sehingga meluluskan mereka berjalan-jalan ke tepi laut dengan “dikawali” oleh seorang tua, sebenarnya telah kami jawab dengan satu risalah “Menuju kepada Kebenaran” yang kami cetak sebanyak 5,00 naskhah dan dibahagikan percuma di Singapura sebelum lagi perkara itu tersiar di dalam akhbar, kerana itu kami berpendapat perkara tersebut telah pun diketahui am dan kami memandang pendapat Tuan Taha

Suhaimi bukannya pendapat progresif seperti yang dipandang oleh setengah-setengah orang tetapi ia adalah pendapat yang menyesatkan yang bertentang dengan dasar Islam.

Di dalam Utusan Melayu 21 Ogos, di dalam temuramahnya dengan Tuan Taha Suhaimi wakilnya telah menerangkan bahawa Tuan Taha Suhaimi ada mengingatkan:

“Bahawa keadaan manusia itu berlain-lainan, kadang-kadang berlainan tempat dan kadang-kadang pula berubah dari semasa ke semasa. Dari itu tentulah hukum Islam mengenai

perhubungan manusia sesama manusia itu tidak beku bahkan boleh dilentur menurut berlainan tempat atau perubahan masa.

“Dengan sebab itulah kita dapati dalil-dalil berkenaan hukum-hukum perhubungan manusia sesama manusia itu biasanya boleh ditakwilkan atau diberi makna yang agak luas untuk menjadikan orang-orang Islam dapat menyesuaikan muslihat<sup>1</sup> hidup mereka dengan keadaan tempat dan masa.

Seterusnya Tuan Taha tatkala menegakkan hujahnya meluluskan berjumpa di antara orang yang hendak berkahwin itu dengan berjalan-jalan di tepi laut mengatakan bahawa ia terbaca perkara ini di dalam sebuah kitab atau majalah Islam dan ia terlupa pula nama kitab dan majalah yang dibacanya dan dijadikannya pegangannya itu.

Kami suka menarik perhatian pembaca bahawa dasar hukum Islam yang ditetapkan oleh Allah itu adalah tidak boleh diganjak atau ditukar oleh keadaan masa dan tempat, tetapi masa dan tempat itu mesti patuh kepada ketentuan-ketentuan yang ditentukan Tuhan. Agama Islam itu diturunkan Tuhan pada suatu tempat yang serendah-rendah dan sepayah tempat manusia hidup supaya hukum itu merata kepada umat di dunia ini. Pemeluk agama Islam ditegah melanggar asas-asas hukum itu tetapi mengenai perkara keduniaan – yang tidak bertentangan dengan hukum itu maka dibenarkan meluaskannya.

Jikalau diikuti kaedah Tuan Taha Suhaimi yakni berubah tempat dan keadaan boleh mengubah hukum yang ditentukan Tuhan maka kalau satu boleh diubah maka semua hukum-hukum itu akan pula berubah disebabkan perubahan tempat dan keadaan. Jika ini diikuti maka hukum-hukum agama Islam

akan hancur dan rosak sebab kalau satu boleh diubah disebabkan masa dan keadaan maka yang lain juga boleh diubah kerana tempat dan keadaan.

Kami berpendapat bahawa jawapan kami terhadap kepada pendapat Tuan Taha tidak perlu ditambah. Hanya sanya kami suka mengingatkan bahawa kemudharatan tentang bergaul di antara lelaki dan perempuan apa lagi berjalan berdua-dua dan diiringi oleh seorang perempuan tua sebagai pemerhati (?) itu bukannya sahaja menyalahi agama tetapi menyalahi adat resam orang-orang Melayu (Islam) di negeri ini. Adat ini hanya dibuat oleh orang-orang Kristian dan Cina sahaja yang membenarkan kedua-dua yang bertunang itu berjalan bersama-sama ke mana-mana ia suka pergi.

Jika pendapat ini dibuat oleh orang-orang awam tidaklah kami mengambil berat sangat tetapi kerana ia dikeluarkan oleh seorang hakim Mahkamah Shar'iyah, maka yang demikian sangat berbahaya kerana harus orang menyangka pendapat yang didasarkan oleh Tuan Taha daripada membaca sebuah kitab dan majalah Islam yang tidak diingatnya namanya itu ialah pendapat yang didasarkan daripada *Kitāb Allah* dan sunnah Nabi serta pendapat alim fekah yang menghuraikannya perkara itu.

Kita suka mengingatkan umat Islam bahawa hukum agama yang boleh dipegang hanyalah yang berasas dan didasarkan daripada *Kitāb Allāh (al-Qur'ān)* dan kalau tidak didapati daripada *al-Qur'ān* maka dicari di dalam *al-Sunnah* dan jika tidak didapati daripada *al-Sunnah* maka dicari daripada ijmak sahabat dan jika ini juga tidak didapati hukumnya di sana baharulah kepada pendapat-pendapat ulama yang ahli di dalam perkara ini.

<sup>1</sup> Perkataan dalam teks ialah 'muslihat', namun yang lebih sesuai dengan konteks ayat ialah 'masalahat'

Kerana itu kalau Tuan Taha hendak berfatwa hanya dengan mengambil daripada sebuah kitab dan daripada sebuah majalah Islam dan terlupa pula namanya maka lebih baik beliau diam kerana memberi pendapat yang hanya di dalam ingatan – tidak diasaskan kepada hukum yang benar adalah merosakkan bahkan jika cara ini diambil dan dijadikan asas olehnya di dalam menjalankan tugasnya sebagai hakim mahkamah Shar‘iyah itu maka kita berpendapat adalah ia seorang yang tidak layak. Majlis Penasihat Islam

adalah wajib memeriksanya dan supaya kelak orang-orang Islam Singapura tidak teraniaya oleh hukum-hukumnya kalau hukum itu hanya dibuat di dalam ingatannya dan diambil daripada sebuah kitab dan majalah Islam yang terlupa pula namanya – sekianlah dahulu.

Yang di-Pertua Ikhwan

Abdullah bin Hamid al-‘Idrūs



*Sebahagian daripada pelajar-pelajar Madrasah al-‘Aṭās al-‘Arabiyah, Johor Baharu, bergambar ramai untuk kenangan dengan al-Ustādh Syed Alwi bin Abdullah al-Attas, Naib Yang di-Pertua “Yayasan Kebudayaan Islam Indonesia” dalam lawatannya ke Tanah Melayu baharu-baharu ini bertanda (1) al-Ustādh Syed Alwi al-Attas yang diraikan, (2) al-Ustādh Syed Muhammad Semait, (3) al-Ustādh Syed Muhammad Rejab al-Hadad, dan (4) cikgu Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (kiriman Husni, Johor).*